



SOALAN-SOALAN LAZIM

KEMPEN BAZAR RAMADAN TANPA TUNAI 2025

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|--|---|
| 1 | Siapakah penganjur bagi Kempen ini? | Kempen ini dianjurkan oleh Agrobank. |
| 2 | Apakah tujuan 'Kempen Bazar Ramadan Tanpa Tunai 2025'? | Tujuan Kempen ini diadakan oleh Agrobank adalah bertujuan untuk menggalakkan peniaga di Bazar Ramadan untuk menggunakan pembayaran tanpa tunai DuitNow QR Agrobank. |
| 3 | Berapa lamakah Tempoh Kempen ini akan dijalankan? | Kempen ini akan dijalankan bermula dari 1 Mac sehingga 30 Mac 2025 |
| 4 | Apakah Konsep Syariah bagi Kempen ini? | <p>Konsep Syariah yang diguna pakai bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).</p> <p>Berdasarkan kepada prinsip Hibah Mu'allaqah, pihak Agrobank akan memberikan hadiah kepada pelanggan yang memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh pihak Agrobank dan dikenal pasti sebagai pemenang.</p> |
| 5 | Siapakah yang layak menyertai Kempen ini? | <p>Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baharu atau sedia ada Agrobank (peniaga) di seluruh Malaysia yang berniaga barang dan perkhidmatan yang patuh Syariah dari sudut Islam dan menepati Terma dan Syarat Kempen.</p> <p>Warga kerja Agrobank tidak layak untuk menyertai Kempen ini. Walau bagaimanapun, Kempen ini masih terbuka kepada ahli keluarga serta saudara-mara warga kerja Agrobank.</p> |



SOALAN-SOALAN LAZIM

KEMPEN BAZAR RAMADAN TANPA TUNAI 2025

| | | |
|---|--|---|
| 6 | Bagaimakah pelanggan boleh menyertai Kempen ini? | <p>1. Pelanggan (Peniaga) perlu membuka akaun AgroPerdana-i PLUS (Akaun Bukan Individu) atau AgroTani-i PLUS (Akaun Individu) dan wajib mendaftar:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Perbankan Internet Perniagaan (AGRONetBIZ) bagi entiti syarikat atau Perbankan Internet Mudah Alih (AGRONetMobile) bagi individu II. QR Peniaga Agrobank (Agrobank QR Merchant) bagi entiti syarikat <p>2. Pelanggan perlu menerima bayaran melalui imbasan DuitNow QR sepanjang Tempoh Kempen mengikut bilangan transaksi yang telah ditetapkan bagi melayakkan diri untuk memenangi Hadiah Kempen.</p> |
| 7 | Apakah Hadiah yang ditawarkan untuk Kempen ini? | Lima (5) peniaga dengan bilangan transaksi DuitNow QR tertinggi (minimum 300 bilangan transaksi DuitNow QR) sepanjang Tempoh Kempen akan memenangi RM500.00 bagi setiap pemenang. |
| 8 | Bagaimakah hadiah yang dimenangi oleh pelanggan akan diberikan kepada pemenang? | <p>Hadiah (wang tunai) akan dikreditkan ke dalam akaun Agrobank pemenang selepas pemilihan pemenang telah dibuat.</p> <p><i>Nota: Hadiah akan diberikan kepada pemenang selepas enam puluh (60) hari bekerja selepas tamat Tempoh Kempen.</i></p> |
| 9 | Bolehkah pelanggan memenangi lebih daripada satu (1) hadiah menerusi Kempen ini? | Pelanggan layak memenangi hadiah Kempen terhad kepada satu (1) kali sahaja sepanjang Tempoh Kempen. |



SOALAN-SOALAN LAZIM

KEMPEN BAZAR RAMADAN TANPA TUNAI 2025

| | | |
|----|---|---|
| 10 | Bagaimakah Pemenang akan dimaklumkan jika mereka terpilih sebagai pemenang bagi Kempen ini? | Pemenang akan dihubungi oleh cawangan di mana pemenang membuka akaun yang terlibat di dalam Kempen ini dan nama pemenang akan dipaparkan di laman sesawang Agrobank iaitu www.agrobank.com.my . |
| 11 | Adakah Pemenang dibenarkan untuk menukar hadiah yang diperolehi dengan bentuk / barang lain? | Pemenang tidak dibenarkan untuk menukar hadiah yang diperolehi dengan bentuk / barang lain dan hadiah tersebut tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga. |
| 12 | Bagaimana cara untuk menghubungi Agrobank sekiranya pelanggan memerlukan penjelasan atau pertanyaan lebih lanjut mengenai Kempen ini? | <ul style="list-style-type: none"> • Hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476 atau; • Layari laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my; atau; • Lawati / kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan. |

Nota: Tertakluk kepada Terma & Syarat Kempen.



www.agrobank.com.my



[www.facebook.com / Agrobank](https://www.facebook.com/Agrobank)



@AgrobankMy



AgrobankTV